

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

**DARIPADA : Y.B. UST. DATO' DR. MOHD. KHAIRUDDIN
BIN AMAN RAZALI
(KUALA NERUS)**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 24.10.2016

Y.B. UST. DATO' DR. MOHD. KHAIRUDDIN BIN AMAN RAZALI [KUALA NERUS] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan senarai GLC yang berprestasi rendah khususnya yang tidak membuat keuntungan dan mengalami kerugian serta menjelaskan tindakan-tindakan yang diambil untuk menanganinya.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Berdasarkan tahun kewangan berakhir 31 Disember 2015, syarikat Berkaitan Kerajaan (GLC) di bawah program Transformasi

GLC (G20) yang mengalami kerugian hanya Malaysian Airlines Berhad (MAB) yang kini sedang melalui proses penstrukturan semula, manakala syarikat G20 yang lain telah mencatatkan keuntungan.

Bagi syarikat Menteri Kewangan Diperbadankan (MKD), terdapat 15 syarikat yang direkodkan mengalami kerugian seperti berikut:

- i. Astronautic Technology (M) Sdn Bhd
- ii. Halal Industry Development Corporation Sdn Bhd;
- iii. Indah Water Konsortium Sdn Bhd (IWK);
- iv. Inno Bio Ventures Sdn Bhd;
- v. Institut Terjemahan dan Buku Malaysia Bhd;
- vi. Jambatan Kedua Sdn Bhd;
- vii. Keretapi Tanah Melayu Berhad (KTMB);
- viii. MIMOS Berhad;
- ix. MyHSR Corporation Sdn Bhd;
- x. Prasarana Sdn Bhd (Prasarana);
- xi. Rangkaian Hotel Seri Malaysia;
- xii. SIRIM Berhad;
- xiii. Sepang International Circuit Sdn Bhd;
- xiv. Syarikat Perumahan Negara Berhad; dan
- xv. Technology Park Malaysia Corporation Sdn Bhd

Syarikat yang mengalami kerugian ini ditubuhkan bukan berorientasikan keuntungan tetapi untuk tujuan tertentu berdasarkan mandat yang telah ditetapkan oleh Kerajaan seperti berikut:

- i. Penyediaan infrastruktur awam;
- ii. Menggalakkan pembangunan ekonomi melalui sokongan kepada pewujudan industri baru;
- iii. Menggalakkan pembangunan teknologi seperti aktiviti pembangunan dan penyelidikan (R&D) serta menarik pelabur asing dalam bidang teknologi; dan
- iv. memenuhi jurang pasaran (*market gap*).

Kerajaan melalui Menteri Kewangan Diperbadankan (MKD) akan memastikan syarikat akan sentiasa beroperasi selaras dengan objektif penubuhan dan mandat yang telah ditetapkan berdasarkan:

- i. pelan perniagaan (*business plan*) tahunan syarikat;
- ii. sasaran *key performance indicators* (KPI) syarikat dan laporan pencapaian KPI setiap suku tahun;
- iii. penyata Kewangan Beraudit Tahunan;
- iv. Laporan Pengurusan Suku Tahun; dan
- v. Perbincangan dengan syarikat dari semasa ke semasa.

Selain daripada itu, Kerajaan akan memastikan syarikat melaksanakan langkah-langkah penjimatan atau pengurangan kos yang sewajarnya tanpa menjejaskan operasi syarikat. Pada masa yang sama, syarikat-syarikat digalakkan untuk menjalankan aktiviti-aktiviti yang dapat meningkatkan hasil. Kerajaan juga akan mengkaji cadangan untuk menstruktur semula pelan perniagaan syarikat termasuk membuat semakan semula kadar tarif dan caj perkhidmatan.